



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2025



ISI KANDUNGAN



- MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SUKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN (SHWP) 2025

3



- PELBAGAI PROGRAM MENARIK HIASI SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN

4-5



- MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PENARAFAN BINTANG KUALITI PENGURUSAN SKIM PEMAJUAN STRATA 2023

6



- MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL WILAYAH PERSEKUTUAN DAN HARI TERBUKA PUTRAJAYA 2025

7



- PROGRAM CAR FREE DAY PUTRAJAYA ANJURAN PEGAWAI MUDA PERBADANAN PUTRAJAYA

8

- MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS 2024

9

- FORUM KELUARGA SAKINAH PUTRAJAYA 2025

10

- HARI TERBUKA PERTANIAN BANDAR & KELULIUT PUTRAJAYA 2025

11

- FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2025

12

- MAJLIS PERASMIAN ALAMANDA BERWAJAH BAHARU

13

- MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

14

- MAJLIS NUR RAMADAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

15

- PROGRAM BUBUR LAMBUK KOMUNITI PUTRAJAYA 2025/1446H

17

- MAJLIS FTAR PERBADANAN PUTRAJAYA 2025

18-19

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

Majlis Perasmian Karnival Sukan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2025

Hampir 3,000 peserta memeriahkan Karnival Sukan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2025 yang berlangsung di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya.

Karnival Sukan Sempena SHWP 2025 diadakan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan karnival di Putrajaya mempertandingkan sukan futsal, bola jaring, kabaddi, taekwondo, pushbike dan esports.

Sukan Esports telah diadakan pada 8 - 9 Februari 2025 yang diadakan bersempena Hari Terbuka Putrajaya (POD) di Auditorium Tun Azizan Zainal Abidin.

Karnival Sukan Sempena SHWP 2025 turut diadakan di Kuala Lumpur dan Labuan dengan KL Muaythai Challenge 2025 yang berlangsung selama tiga hari di Stadium Titiwangsa.

Sementara itu, Karnival Sukan berkonsepkan sukan pantai diadakan di Labuan pada 22 dan 23 Februari 2025 yang membabitkan sukan penalti pantai, bola tampar pantai, petanque pantai, sukaneka pantai dan esports.



Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa, penganjuran program sukan ini adalah penting kerana menjadi simbol kepada kekuatan, disiplin dan daya tahan, bukan sekadar rekreasi atau pertandingan semata-mata.

Wilayah Persekutuan akan terus menjadi peneraju dalam membudayakan sukan sebagai sebahagian daripada gaya hidup sihat rakyat Malaysia. Wilayah Persekutuan juga mampu menjadi model terbaik dalam pembangunan sukan dan gaya hidup sihat.

Karnival ini diharap dapat memupuk budaya sihat dan juga turut mengenalpasti bakat-bakat baru yang boleh diserapkan sebagai atlet Wilayah Persekutuan dan boleh diketengahkan bagi mewakili Kontinjen Wilayah Persekutuan sehingga ke peringkat Sukan Malaysia (Sukma).





Pelbagai Program Menarik Hiasi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan

Hari Terbuka Putrajaya Karnival Wilayah Persekutuan dan Putrajaya Inter Park Ride antara program yang telah direncanakan diadakan di Putrajaya sepanjang Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2025.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud berkata, PPj dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) giat merencanakan program seumpamanya bagi menjayakan SHWP 2025.

PPj bersama JWP telah merencana pelbagai program dan dilaksana hampir setiap minggu dan dimasukkan dalam senarai aktiviti Hari Wilayah. Sambutan Hari Terbuka Putrajaya (POD) dan Karnival Wilayah Persekutuan diadakan dari 6 hingga 9 Februari 2025 di Dataran Putrajaya.

Sementara itu, sebanyak 12,000 unit bendera telah diserahkan kepada ketua komuniti Putrajaya melalui Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan





Putrajaya. Bendera tersebut diedarkan kepada persatuan penduduk, Kawasan Rukun Tetangga, Badan Pengurusan Bersama dan sekolah di sekitar Putrajaya.

Pada program sama turut berlangsung pelancaran Kempen Bersih Setiap Tempat (BeST) peringkat Putrajaya iaitu dianggarkan 200 sukarelawan akan melaksanakan aktiviti pembersihan di kawasan setempat dan pusat komersial terdekat.

Selain daripada itu, 1,000 peserta turut menyertai Program Langkah Sihat Komuniti Putrajaya manakala Program Khatan Perdana turut berlangsung membabitkan 280 anak-anak komuniti Putrajaya.

Aktiviti menarik lain termasuk Pertandingan Treasure Hunt Kitar Semula, Jom Senamrobik, Saringan Kesihatan, Pertandingan Melukis Poster, Pertandingan Mewarna, Aktiviti Memanah serta pelbagai jualan dan pameran daripada usahawan KUPPutra, FAMA dan MyGrocer.

SHWP 2025 mengangkat tema 'Wilayah Persekutuan Kita' yang menggambarkan nilai keharmonian, semangat kebersamaan warga Wilayah Persekutuan yang kukuh dan kerjasama erat dalam memacu pembangunan bersama.



Majlis Penyampaian Anugerah Penarafan Bintang Kualiti Pengurusan Skim Pemajuan STRATA 2023 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Telah berlangsungnya Majlis Penyampaian Anugerah Penarafan Bintang Kualiti Pengurusan Skim Pemajuan Strata 2023 Wilayah Persekutuan Putrajaya yang diadakan di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 12 Februari 2025. Majlis penyampaian anugerah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya dan turut dihadiri oleh barisan Naib-Naib Presiden Jabatan di Perbadanan Putrajaya.

Majlis anugerah ini adalah bertujuan untuk menghargai peranan dan tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) dan Pemaju di dalam menguruskan kawasan pemajuan strata bagi skim masing-masing. Menariknya pada majlis kali ini, sebanyak 24 skim pemajuan strata di Wilayah Persekutuan Putrajaya telah menerima Anugerah Penarafan Kualiti Pengurusan mengikut kategori masing-masing.



Majlis Perasmian Karnival Wilayah Persekutuan dan Hari Terbuka Putrajaya 2025



Seramai 100,000 pengunjung disasarkan sepanjang empat hari penganjuran Karnival Wilayah Persekutuan dan Hari Terbuka Putrajaya (POD) 2025.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, karnival ini adalah manifestasi komitmen pihaknya dalam membawa perkhidmatan Kerajaan terus kepada rakyat.

Penganjuran POD pada dua tahun terakhir telah berjaya menjana "*return on investment*" atau pulangan ekonomi yang memberangsangkan dengan kutipan keseluruhan sehingga RM15 juta. Objektif utama acara ini adalah untuk memudahkan orang ramai mendapatkan pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta dengan lebih mudah dan efisien tanpa perlu berkunjung ke pelbagai agensi atau pejabat kerajaan secara berasingan.

Karnival yang merupakan sebahagian daripada Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ke-51 ini, melibatkan seramai 450 vendor dan pempamer. Ia terdiri daripada kementerian, jabatan/ agensi, swasta, syarikat telekomunikasi,

pameran kerjaya, produk pelancongan Putrajaya dan Tourism Negeri, perbankan, TVET, GLC, agro dan produk hiliran, gerai jualan makanan serta minuman. Tapak acara telah dibahagikan kepada 12 zon dengan pengisian yang padat dan pelbagai serta sesuai untuk semua peringkat umur.

Penganjuran POD2025 pada kali ini bukan hanya dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), tetapi turut dijayakan dengan kerjasama ramai rakan strategik termasuk kementerian, agensi kerajaan, syarikat swasta, perbankan, telco, serta industri lain seperti syarikat hartanah dan pelancongan.





PROGRAM CAR FREE DAY PUTRAJAYA ANJURAN PEGAWAI MUDA PERBADANAN PUTRAJAYA

Program Car Free Day Putrajaya telah berlangsung dengan jayanya dengan kehadiran sehingga 4,000 peserta, walaupun cuaca kurang mengizinkan. Ini adalah program bulanan yang diadakan pada setiap Ahad minggu kedua anjuran Pegawai Muda Perbadanan Putrajaya (PPj).

Program ini menyokong visi Bandar CHASE, khususnya inisiatif Eco-friendly City dan Healthy City, dalam usaha menjadikan Putrajaya sebagai bandar yang mampan dan mesra alam.

Bagi memastikan program ini tidak hanya berakhir dengan hanya sekadar program bulanan, PPj perlu mengkaji keperluan memanjangkan tempoh pelaksanaan Car Free Day ini dari hanya beberapa jam kepada sehari penuh setiap bulan.

Langkah ini bukan sahaja dapat memberi lebih ruang kepada aktiviti yang sihat kepada penduduk, malah turut menyumbang kepada usaha menangani isu perubahan iklim yang menjadi tumpuan dunia kini. Namun begitu, keberkesanan inisiatif ini memerlukan sokongan padu daripada rakyat untuk mencapai objektif bersama.

Program ini turut mendapat kerjasama dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) selaku rakan strategik yang menyokong inisiatif ini.





MIP Planning Excellence Awards 2024



(MIP). Upacara penganugerahan Anugerah Presiden MIP tersebut telah disempurnakan oleh YAB. Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar bin Ibrahim yang turut bersama-sama hadir sebagai tetamu kehormat MIPPEA 2024.

Perbadanan turut merangkul anugerah Silver Award (Low Carbon Planning Award) melalui Putrajaya Urban Observatory (PUO), Silver Award (Strategic Planning) melalui Blueprint Pelancongan Putrajaya 2032 dan Inclusive Design melalui Putrajaya Smart Toilet.



Sekalung Tahniah diucapkan kepada Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya, di atas penganugerahan Anugerah Presiden MIP oleh Presiden MIP, YBhg. Datin TPr Hjh Noraida Saludin pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Perancangan Pertubuhan Perancang Malaysia 2024 (MIPPEA 2024) yang bertempat di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur pada 24 Januari 2025.

Anugerah Presiden ini diberikan atas jasa dan sokongan yang tidak berbelah bagi oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud kepada Pertubuhan Perancang Malaysia

Forum Keluarga Sakinah Putrajaya 2025

Untuk membentuk keluarga bahagia memerlukan keserasian antara pasangan dan sifat memahami dalam kehidupan berkeluarga.

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Forum Keluarga Sakinah Putrajaya 2025 yang berlangsung di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj pada 19 Mac 2025.

Forum yang berlangsung selama tiga jam bermula dari jam 9 pagi tersebut diisi dengan ilmu-ilmu keluarga yang dikongsikan oleh YBrs. Ustaz Dr. Nik Bakri bin Nik Mat manakala Afad Raihan selaku moderator.

Turut hadir Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan PPj, YBrs. Encik Mohd Ali Bin Jusoh.

Dengan penganjuran forum sebegini diharap sedikit sebanyak dapat memberikan ilmu kepada warga Putrajaya yang sudah berkeluarga dalam membentuk keluarga bahagia.



HARI TERBUKA PERTANIAN BANDAR & KELULUT PUTRAJAYA 2025



Diharapkan inisiatif ini terus memberi manfaat kepada komuniti serta menyumbang kepada pembangunan pertanian bandar dan penternakan kelulut yang lebih inovatif serta mampan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pengunjung, pempamer, serta komuniti Wilayah Persekutuan yang telah bersama-sama menjayakan dan memeriahkan acara ini.



Tarikh : 1 - 2 Februari 2025
Masa : 8.30am - 4.30pm
Lokasi : Taman Botani Putrajaya

Pelbagai aktiviti menarik yang dianjurkan sesuai untuk seisi keluarga seperti :-

- Lawati Laman Kelulut & Laman Dapur
- Permainan Tradisional
- Langkah Ceria Kelulut
- Persembahan Buskers & Cosplay
- Pertandingan Memasak Lauk Kampung
- Jom Ngail di Sisiran Tasik Botani
- Picnic Santai Bersama Keluarga

Aktiviti utama sepanjang acara berlangsung :-

- Peluncuran Pelan Induk Pertanian Bandar Putrajaya – panduan strategik dalam memajukan sektor pertanian bandar serta menyokong pertumbuhan ekonomi setempat.
- Perasmian Laman Dapur & Laman Kelulut, Taman Botani Putrajaya – dijadikan hab utama bagi pembangunan pertanian bandar dan penternakan kelulut.
- Pelancaran jenama 'Maduku Putrajaya' – produk kebanggaan hasil kelulut Putrajaya, kaya dengan khasiat semula jadi dan berkualiti tinggi.





Festival Ramadan Putrajaya 2025

Perbadanan Putrajaya (PPj) menyasarkan sejuta pengunjung bagi penganjuran Festival Ramadan Putrajaya 2025 (FRP25) yang bermula 28 Februari 2025 sehingga 30 Mac 2025.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, lima komponen FRP25 ditampilkan pada tahun ini yang kesemuanya berpusat di Presint 3 iaitu Bazar Ramadan, Laman Oasis, Anjung Syawal, Laman Iftar dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

FRP adalah antara produk pelancongan utama di Putrajaya saban tahun sejak tahun 2012 lagi. Bertemakan 'Memori Ramadan, Aspirasi Syawal', FRP25 melibatkan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan majlis perwakilan penduduk serta kerjasama daripada pelbagai organisasi bukan kerajaan (NGO).

Sempena FRP25, PPj turut melancarkan kempen 'Go Green Bazar Ramadan Putrajaya' dalam usaha ke arah menyokong inisiatif Putrajaya sebagai Bandar Mampan dan Bandar Hijau Karbon Rendah. Ia bukanlah inisiatif baharu sebaliknya mahu terus menggalakkan pengunjung cakna dengan dasar ditetapkan kerajaan yang telah mengisytiharkan Putrajaya sebagai peneraju kepada bandar karbon rendah.

Komponen Go Green Bazar Ramadan Putrajaya termasuk 'cashless' Bazar Ramadan, kempen hindari plastik sekali guna, kempen bawa bekas dan beg sendiri ke bazar, kempen guna produk bio-degradasi, kempen jom biodiesel dan kempen 'save food'.

Sebanyak 290 lot niaga disediakan di Bazar Ramadan Presint 3 di tapak tempat letak kenderaan (TLK) bersebelahan Kiblat Walk dan 14 lot niaga di Laman Oasis (Kompleks PPj). Selain itu, Anjung Syawal pula menyediakan 300 lot niaga yang dibuka kepada pengunjung

setiap hari bermula 28 Februari hingga 30 Mac 2025 mulai jam 12.00 tengah hari hingga 12.00 tengah malam.

Sementara itu, Komponen Laman Iftar pula berlangsung di kawasan padang, Dataran Putrajaya yang menjadi lokasi tumpuan bagi pengunjung berbuka puasa berkonsepkan riadah.

PPj turut menyediakan 120 lot niaga di Bazar Ramadan Presint 11; Bazar Ramadan Presint 14 (170 lot niaga) dan Bazar Ramadan Mini di Taman Warisan Pertanian Presint 16 (40 lot niaga).

Secara keseluruhannya, penganjuran FRP25 ini menghimpunkan lebih 1,000 jenis juadah serta melibatkan lebih 900 peniaga.





Majlis Perasmian Alamanda Berwajah Baharu

Perasmian Alamanda Berwajah Baharu oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 23 Februari 2025, yang berlangsung di ruang legar Alamanda Putrajaya. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa, YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Datuk Ramlee bin Yatim, Timbalan Ketua Pengarah (PPe) JWP dan pegawai-pegawai kanan PPj serta JWP.

YAB Perdana Menteri turut menekankan kerjasama erat antara Putrajaya Holdings dan kerajaan, yang telah melahirkan Kiosk Sentuhan Madani pertama di negara ini. Inisiatif ini membolehkan orang awam menjalankan urusan niaga digital dengan jabatan kerajaan terpilih di luar waktu bekerja, memberikan kemudahan yang lebih fleksibel kepada masyarakat.

Dikendalikan oleh Suria KLCC Sdn Bhd, Alamanda Putrajaya telah melalui proses transformasi besar-besaran dengan pelaburan sebanyak RM100 juta oleh Putrajaya Holdings Berhad. Pembangunan semula ini, yang bermula pada 20 Jun 2023, menandakan pengubahsuaian utama pertama sejak pusat beli-belah ini dibuka pada tahun 2004.

Salah satu tarikan teras dalam pembangunan semula ini ialah Escape Putrajaya yang terletak di Esplanade. Taman petualangan luar seluas 151,548 kaki persegi ini dibangunkan melalui kerjasama dengan Sim Leisure Group Ltd. Direka untuk menggabungkan elemen petualangan dan alam semula jadi, Escape Putrajaya menjanjikan pengalaman yang mengujakan untuk keluarga dan orang ramai.

Dengan wajah baharu ini, Alamanda Putrajaya bukan sekadar destinasi beli-belah, tetapi juga sebuah hab gaya hidup yang lengkap dan menarik untuk semua.





Majlis Berbuka Puasa Bersama YAB Perdana Menteri



Lebih 10,000 orang memeriahkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Presint 3, Putrajaya pada 10 Mac 2025.

Program yang bermula pukul 5.30 petang ini adalah anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bersama 13 agensi dan Perbadanan Putrajaya (PPj) serta 13 agensi Hal Ehwal Agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Majlis dimulakan dengan persembahan nasyid daripada kumpulan Rabbani, seterusnya tausiyah khas bertemakan 'Ramadan Pemacu Ummah Madani' yang disampaikan Timbalan Mufti Negeri Pahang Datuk Badlishah Alauddin.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Presiden Perbadanan Putrajaya Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud.





Majlis Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Putrajaya

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan sumbangan berjumlah RM1.1 juta untuk diagihkan kepada 5,500 asnaf di Wilayah Persekutuan melalui program Sumbangan Nur Ramadan.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, inisiatif tersebut bukan sekadar satu ibadah mulia malah menjadi manifestasi konsep keadilan sosial.

Dr Zaliha menyerahkan bantuan tunai bernilai RM200 setiap seorang kepada 300 penerima sumbangan terpilih di Putrajaya dalam Program Sumbangan Nur Ramadan pada 11 Mac 2025 di Dewan Seri Siantan Kompleks Perbadanan Putrajaya. Beliau turut menyampaikan sumbangan khas sebanyak RM5,000 daripada Jabatan Wilayah Persekutuan kepada Surau Abdul Rahman Auf, Presint 11 bagi membantu surau berkenaan menaik taraf fasiliti.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan Datuk Seri Noridah Abdul Halim dan Presiden Perbadanan Putrajaya Dato, TPr. Fadlun bin Mak Ujud.



BANDAR PALING BAHAGIA BANDAR PUTRAJAYA PERBADANAN PUTRAJAYA



HARI KEBAHAGIAAN SEDUNIA 2025

Anugerah Bandar Paling Bahagia 2025 menjadi Amilik Putrajaya. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming semasa perasmian Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bertemakan "Prihatin dan Kebersamaan #Demi Pertiwi" sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia diraikan bertujuan mencapai keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar.

Kajian Indeks Kebahagiaan telah diperkenalkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) pada tahun 2010 semasa Kajian Pembentukan Penunjuk Spatial Pembangunan Mampan Malaysia (MSDDI). Pada tahun 2012, kajian ini telah dijadikan sebagai salah satu penunjuk baharu Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Bandar Luar Bandar Mampan Malaysia (MURNInets) di bawah dimensi Komuniti Sejahtera. Pengukuran Indeks Kebahagiaan mula dilaksanakan pada tahun 2013 (secara manual).

Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (International Day of Happiness) Peringkat Kebangsaan dan pengukuran Indeks Kebahagiaan MURNInets bagi bandar-bandar di Malaysia ini adalah selaras dengan agenda global iaitu Sustainable Development Goals (SDGs), khususnya SDG 11 (Sustainable Cities and Communities) ke arah mencapai pembangunan bandar yang bahagia, sejahtera, mampan dan selamat selaras dengan agenda Malaysia MADANI.



Program Bubur Lambuk Komuniti Putrajaya Sempena Sambutan Bulan Ramadan 2025/1446H

Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama Komuniti Putrajaya telah menganjurkan Program Bubur Lambuk Komuniti Putrajaya yang disempurnakan oleh Presiden PPj, YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud pada 15 Mac 2025.

Sebanyak 23 buah periuk bubur lambuk dimasak secara bergotong-royong oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP) dan pelbagai agensi lain antaranya Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya.

Program yang bermula seawal jam 8.30 pagi telah disertai 300 orang peserta dan dibimbing oleh Ketua Chef, En. Roslan bin Ab Rahman, pemenang Pertandingan Memasak Bubur Lambuk 2023 Kategori Hotel & Restaurant Anjuran Menara Kuala Lumpur.

Sebanyak 11,500 pek bubur lambuk diagihkan kepada komuniti setempat, surau-sarau di Putrajaya, anggota keselamatan dan pertahanan negara seperti PDRM, Bomba dan APAM Putrajaya, Hospital Putrajaya serta Institut Kanser Negara (IKN).





Majlis Iftar Perbadanan Putrajaya 2025



